

11 MAY 2004  
MCA-Jawatan  
AJK DISIPLIN MCA LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Mesyuarat Jawatankuasa Presiden MCA hari ini menerima peletakan jawatan lima anggota Jawatankuasa Disiplin parti itu.

Setiausaha agung MCA Tan Sri Dr Ting Chew Peh berkata Jawatankuasa Pusat (CC) MCA, badan pembuat dasar parti itu, akan melantik anggota baru bagi menggantikan mereka pada mesyuaratnya akan datang.

"Pelantikan ini akan dilakukan oleh CC dalam mesyuarat yang akan datang," katanya pada sidang media selepas mesyuarat itu di ibu pejabat parti berkenaan di sini.

Mereka yang meletak jawatan ialah Datuk Kam Woon Wah (pengerusi), Datuk Dr Wee Khoo Hock, Datuk Wong Seng Chow, Datuk Chan Kit Chee dan Datuk Wang Choon Wing. Kesemua mereka dilantik menganggotai lembaga itu pada 29 Ogos 2002.

Mereka dilantik menganggotai jawatankuasa lima anggota itu yang juga dikenali sebagai "lima veteran parti" selepas jawatankuasa pimpinan bekas timbalan presiden MCA Datuk Seri Lim Ah Lek tamat tempohnya pada 27 Julai 2002.

Keputusan melantik lima veteran itu menganggotai jawatankuasa berkenaan dibuat pada masa itu oleh CC setelah mereka dikatakan mahu melihat wujudnya komposisi baru yang tidak mempunyai kaitan dengan peristiwa yang pernah melanda MCA.

Peristiwa yang dimaksudkan ialah krisis kepimpinan yang berlarutan selama 14 bulan berikutan wujudnya dua puak dalam MCA -- satu diketuai bekas presidennya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan satu lagi oleh Lim.

Kedua-dua mereka kemudian melepaskan jawatan mengikut fasa akhir rancangan yang dicadangkan oleh Perdana Menteri ketika itu Tun Dr Mahathir Mohamad pada 23 Mei tahun lepas. Tempat mereka diambil alih oleh Datuk Seri

Ong Ka Ting dan Datuk Seri Chan Kong Choy.

Semasa menganggotai Jawatankuasa Disiplin, mereka mengendalikan beberapa kes berprofil tinggi seperti siasatan terhadap Ketua Pemuda MCA

Datuk Ong Tee Keat yang dituduh mencemarkan imej parti.

Mereka juga mengadakan siasatan terhadap dua anggota Dewan Undangan

Negeri Pulau Pinang dari MCA Lim Boo Chang dan Tan Cheng Liang yang tidak

melibatkan diri dalam pengundian bagi menentang satu usul yang dikemukakan

oleh DAP.

Selain itu, mereka juga terlibat dalam merangka deraf tata perilaku

anggota MCA yang kemudian diterima pakai oleh parti itu.

Pada sidang media yang sama, Dr Ting mengumumkan bahawa MCA akan menggunakan borang baru bagi permohonan menganggotai parti itu berkuatkuasa

1 Jun ini.

"Berbanding borang lama, borang permohonan baru ini memerlukan foto

pemohon bagi mengelak penyalahgunaan kad pengenalan," katanya.

Beliau berkata antara syarat baru lain yang dikenakan kepada pemohon

ialah mereka perlu menyatakan kelayakan akademik masing-masing.

Dr Ting juga berkata ibu pejabat parti akan mengambil alih tugas memperoses sesuatu permohonan sekiranya pemohon mengadu

permohonannya tidak

diproses oleh cawangan terbabit.

"Dalam masa dua bulan, sekiranya sesuatu permohonan tidak diproses oleh

cawangan, ibu pejabat akan mengambil alih tugas itu," kata beliau.

-- BERNAMA

AT SHE KHY SP RON